



30 MAY, 2026

RAM Ratings kekal positif terhadap sektor tenaga

Berita Harian, Malaysia



RAM Ratings kekal positif terhadap sektor tenaga

RAM Rating Services Bhd (RAM Ratings) mengekalkan pandangan positif terhadap sektor tenaga Malaysia yang disokong momentum peralihan tenaga negara serta rangka kerja kawal selia kukuh menerusi dasar utama nasional termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) dan pelan hala tuju di peringkat negeri.

Naib Presiden Kanan Penarafan Infrastruktur dan Utiliti RAM Ratings, Chong Van Nee, berkata setakat akhir Disember 2025, tenaga boleh baharu (RE) merangkumi kapasiti terpasang sebanyak 12 gigawatt (GW) atau 31 peratus daripada jumlah kapasiti keseluruhan.

Katanya, pencapaian itu meletakkan Malaysia di landasan tepat untuk mencapai sasaran interim 40 peratus menjelang 2035 dan 70 peratus menjelang 2050.

“Kemajuan berterusan akan bergantung kepada kesinambungan dasar, pelaksanaan yang berdisiplin, penyelarasan pihak berkepentingan yang berkesan serta akses berterusan kepada pembiayaan jangka panjang,” katanya dalam ulasan khas bertajuk *Power Insight: Advancing Sustainable Energy Transition* yang dikeluarkan hari ini.

Van Nee berkata, sektor RE Malaysia berkembang pesat, dipacu penambahan kapasiti solar fotovolta utiliti berskala besar serta pelaksanaan awal sistem penyimpanan tenaga bateri berskala grid bagi menangani isu gangguan bekalan dan memperkukuh kestabilan sistem grid.

BERNAMA